KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

PENYERAHAN PROJEK
KAMPUNG ANGKAT MADANI
KAMPUNG PANGGAS KECIL, PERLIS

1 NOVEMBER 2026 (AHAD)

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(salutasi akan dikongsikan secara berasingan)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, kita dapat berhimpun di kampung yang indah ini bagi menjayakan **Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2026**.

2. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, terutamanya pegawai Kanan Kerajaan Negeri Perlis pada hari ini melambangkan semangat muafakat dan kebersamaan yang utuh antara pihak Kerajaan Persekutuan, agensi negeri, institusi pendidikan tinggi, dan komuniti akar umbi, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

ASPIRASI KAMPUNG ANGKAT MADANI 2026

3. Untuk makluman semua, Kampung Angkat MADANI telah diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 2024 bagi menentukan penanda aras terbaik dalam memastikan capaian liputan kemudahan asas air, elektrik, jalan, lampu jalan, kemudahan masyarakat dan capaian internet dapat dipertingkatkan melalui pendekatan *Whole Of Government.*

4. Program ini bukan sekadar memberikan bantuan material, tetapi lebih jauh dari itu, ialah platform untuk membina kerjasama yang positif antara Kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO), dan masyarakat setempat dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Inisiatif Kampung Angkat MADANI diperkenalkan bertujuan untuk merapatkan jurang infrastruktur dan menaik taraf kelestarian sosioekonomi penduduk di kawasan luar bandar.

5. Pada tahun 2026, Kementerian Perpaduan Negara telah memilih **Kampung Panggas Kecil di Perlis** sebagai Kampung Angkat kami dan Kerajaan telah **memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi pelaksanaan pelbagai projek fizikal, infrastruktur asas dan program kemasyarakatan seperti gotong royong, kenduri rakyat dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan**.

6. Usaha ini merupakan keprihatinan Kerajaan terhadap keperluan rakyat bagi memastikan keperluan asas penduduk di sini dapat dipenuhi, kemudahan awam ditambah baik termasuklah kerja-kerja naik taraf surau, pembinaan dewan terbuka, pemasangan lampu solar, pembaikan fasiliti awam dan kesejahteraan komuniti diangkat ke tahap yang lebih baik.

SINERGI KERAJAAN & UniMAP - PEMERKASAAN TVET

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Pelaksanaan Projek Kampung Angkat MADANI oleh Kementerian Perpaduan Negara pada tahun ini membawa satu kelainan yang sangat signifikan. Kita tidak hanya menyalurkan dana untuk pembinaan, sebaliknya kita memeterai kerjasama strategik yang erat bersama Universiti Malaysia Perlis.

8. Melalui kelonggaran tatacara perolehan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan, kita telah mengadaptasi kaedah pelaksanaan secara *On Job Training*. Ini bermakna, projek-projek fizikal di Kampung Panggas Kecil ini digerakkan dengan menggunakan kepakaran teknikal, kejuruteraan, dan kemahiran TVET daripada tenaga pengajar serta pelajar UniMAP sendiri.

9. Kerjasama ini mewujudkan situasi "menang-menang". Di satu pihak, infrastruktur kampung dapat dibangunkan dengan kos yang lebih optimum dan berkualiti tinggi. Di pihak yang lain, ia menyediakan platform latihan dunia sebenar kepada anak-anak mahasiswa kita, sekaligus memperkasakan agenda TVET negara. Inilah bentuk inovasi sosial dan tadbir urus silang agensi yang kita mahukan.

INFRASTRUKTUR SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

Warga Kampung Panggas Kecil yang saya kasihi,

10. Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara melihat pembangunan infrastruktur fizikal ini bukan dari sudut binaan batu dan simen semata-mata. Kami melihatnya dari sudut penyatuan Masyarakat dan keharmonian setempat.

11. Apabila surau dinaik taraf, dewan terbuka dibangunkan, lampu-lampu dipasang di seluruh kampung dan infrastruktur diperbaiki, kemudahan-kemudahan ini akan bertindak sebagai penyokong kepada urusan mewujudkan "tapak integrasi" atau pusat pertemuan komuniti dan penduduk setempat. Di sinilah peranan JPKK dan Kawasan Rukun Tetangga menjadi sangat penting dan menjadi penggerak kepada semua urusan di kampung.

12. Gunakanlah kemudahan yang disediakan kelak untuk merancakkan lagi aktiviti kemasyarakatan, aktiviti keselamatan dan kecerian serta program-program yang membina keutuhan dan keharmonian semangat kejiranan. Apabila komuniti saling mengenali, bermuafakat dan bekerjasama, rantaian perpaduan dan keharmonian akan terbentuk dengan kukuh dari peringkat akar umbi, daripada anak-anak kecil sehinggalah kepada yang dewasa.

PENUTUP

13. Akhir kata, saya mewakili Kementerian Perpaduan Negara ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Kewangan Malaysia, ICU, JPM, Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis, MAIPs, Majlis Perbandaran, Universiti Malaysia Perlis, JPNIN, semua jabatan di peringkat negeri dan persekutuan yang tidak dapat saya nyatakan satu persatu di sini.

14. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya kepada pasukan sukarelawan daripada Yayasan Sukarelewan Siswa dan juga Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Perpaduan Negara yang terlibat secara langsung dalam program gotong royong perdana yang diadakan semalam.

15. Dan yang paling tidak dilupakan, terima kasih tidak terhingga saya kepada seluruh penduduk Kampung Panggas Kecil yang memberi kerjasama luar biasa dalam menjayakan inisiatif Kampung Angkat MADANI ini. Syabas saya ucapkan.

16. Semoga inisiatif Kampung Angkat MADANI ini menjadi titik tolak kepada pelbagai lagi kejayaan dan kemajuan buat Kampung Panggas Kecil pada masa hadapan.

17. Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya berkongsi 2 rangkap pantun khas untuk semua.

Cantik Berseri Bunga Melati,
Tumbuh Melata Di Tepi Titi,
Kampung Angkat MADANI Setulus Hati,
Membawa Rahmat Ke Akar Umbi.

Perlis Indah Buminya Subur,
Rakyatnya Hebat, Ramah dan Sopan,
Lengkapnya Projek Tingginya Syukur,
Harmoni Kukuh Eratkan Perpaduan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini menyempurnakan Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2026.

Sekian,
Wabillahitaufik wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.